



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

MOSTI LANCAR “PROGRAM MYSTARTUP”

KUALA LUMPUR, 22 FEBRUARI 2022 – YB. Datuk Haji Ahmad Amzad Bin Mohamed @ Hashim, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi hari ini melancarkan Program MYStartup.

Kesinambungan daripada pelancaran portal MYStartup pada 18 November 2021, Program MYStartup terdiri daripada beberapa program yang bertujuan memperkasakan lagi ekosistem dan komuniti *start-up* di Malaysia. Di antaranya; *MYHackathon 2022*, *MYStartup Hackathon*, *MYStartup Pre-Accelerator*, *MYStartup Accelerator*, *MYStartup Internship* dan *MYStartup Mentorship*.

Program-program ini disasarkan untuk menyokong pembangunan dan perkembangan *start-up* secara mampan dalam jangka masa panjang melalui pengisian yang tertumpu kepada pembangunan kapasiti dan modal insan. Program-program ini juga dijangka dapat membimbing *start-up* yang memerlukan sokongan dalam menghadapi cabaran daripada arena pasaran baharu dengan lebih baik selain menyediakan padanan pembiayaan berdasarkan keperluan dan latar belakang *start-up* yang berbeza, seterusnya meningkatkan lagi keupayaan daya saing dan kebolehpasaran *start-up*.

Selari dengan konsep Keluarga Malaysia, program anjuran Cradle melalui strategi MYStartup ini akan memastikan *start-up* dibimbing secara menyeluruh bermula dari peringkat penciptaan idea, kemudian dilatih dan disokong melalui pembiayaan serta memberi peluang untuk mengetengahkan profil syarikat mereka di dalam platform MYStartup untuk mendapat tarikan dari pelabur asing.

Menurut YB. Datuk Haji Ahmad Amzad Bin Mohamed @ Hashim, “Di bawah seliaan MOSTI dan pelaksanaan agensinya, pada tahun 2021, walaupun dibelenggu oleh pandemik global, Malaysia turut menyaksikan sebuah *start-up* yang pernah dibiayai oleh Kerajaan mencapai status ‘*unicorn*’. MOSTI akan terus komited dalam memastikan program pembangunan *start-up* dilaksanakan dengan berkesan agar manfaatnya sampai dan dirasakan oleh seluruh Keluarga Malaysia. Oleh itu, saya menyeru *start-up* untuk memanfaatkan program-program yang telah disusun atur oleh pihak Cradle sepanjang tahun 2022 ini”.

Selain daripada menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara serta meneruskan usaha dalam menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi, Program MYStartup juga akan menyumbang secara langsung kepada usaha untuk meningkatkan jumlah *start-up* yang inovatif dan berkualiti. Usaha ini juga bergerak seiring dengan sasaran MOSTI dalam mewujudkan 5,000 *start-up* serta menghasilkan lima (5) syarikat berstatus ‘*unicorn*’ menjelang tahun 2025.

Program MYStartup merupakan sebahagian daripada Pelan Hala Tuju Ekosistem *Start-up* Malaysia (SUPER). Program ini juga merupakan Strategi MYStartup yang telah diumumkan semasa pembentangan Bajet 2022, dan Cradle menjadi agensi *focal point* bagi ekosistem *start-up* telah diberi mandat untuk memastikan strategi ini mampu memberi manfaat kepada ekosistem secara keseluruhan.

Turut hadir semasa pelancaran berkenaan, Rafiza Ghazali, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle berkata, “Kami amat menggalakkan pihak *start-up*, termasuk mereka yang mempunyai idea yang inovatif dan ingin menubuhkan syarikat teknologi *start-up*, supaya mengambil peluang dan menghantar permohonan bagi menyertai program MYStartup. Sebagai salah sebuah agensi di bawah naungan MOSTI, Cradle sentiasa dan akan terus menyokong keperluan ekosistem *start-up* negara bukan sahaja dengan penyediaan dana, malah rangkaian perniagaan melalui rakan kongsi strategik Cradle.”

Di antara misi jangka masa panjang MOSTI adalah untuk meletakkan Malaysia sebagai salah satu daripada 20 ekosistem *start-up* utama global dan menyokong misi Malaysia untuk melonjakkan kedudukan negara sebagai peneraju teknologi.

Start-up, pelabur, pemain industri dan pembina ekosistem digalakkan mendaftar di platform MYStartup di www.mystartup.gov.my bagi mendapatkan akses kepada cerapan dan sumber mengenai ekosistem *start-up* Malaysia.

[TAMAT]

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
22 FEBRUARI 2022**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Puan Emily Clarice Joannes
Pegawai Penerangan
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
03-88858299
emily@mosti.gov.my

Ali Baizuri Razali
PR & Media
Cradle Fund Sdn Bhd
011-63295400
ali.baizuri@cradle.com.my